



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBINAAN INSTRUMEN KOMPETENSI GURU PELATIH DALAM PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

ZAHARI BIN SUPPIAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk membina instrumen mengukur tahap kompetensi guru pelatih dalam pentaksiran bilik darjah. Proses pembinaan instrumen melibatkan lima fasa, iaitu pembentukan konsep, pembinaan item, pengujian item, penganalisan item, dan penentuan profil. Pada fasa pembentukan konsep, pengkaji menganalisis kajian-kajian lepas berkaitan kompetensi PBD dan menjalankan temu bual pakar. Hasilnya, kompetensi guru pelatih dalam PBD dikonsepsikan terdiri daripada konstruk pengetahuan, kemahiran, dan sikap terhadap PBD. Pada fasa pembinaan item, sebanyak 183 item berskala jenis Likert 5 mata telah dibina. Berdasarkan cadangan pakar, sebanyak 63 item digugurkan dan lima item ditambah menjadikan jumlah keseluruhan item menjadi 125. Analisis Cohen Kappa menunjukkan wujud konsistensi persetujuan pakar terhadap kesesuaian item-item yang dibina ($\kappa = 0.66$ hingga 1.00). Pada fasa pengujian item, instrumen dengan 125 item ini telah ditadbirkan kepada 565 orang guru pelatih di tiga buah UA. Analisis faktor pengesahan menunjukkan tiga model pengukuran yang telah dihipotesiskan (pengetahuan, kemahiran, dan sikap) adalah sepadan dengan data di mana nilai indeks padanan adalah memenuhi tahap minimum ditetapkan ($CFI > 0.9$, $RMSEA < 0.08$, dan $\chi^2/df < 5$). Indeks kebolehpercayaan komposit (CR) bagi tiga konstruk dalam instrumen yang dibina (pengetahuan, kemahiran, dan sikap) adalah antara 0.848 hingga 0.974 menunjukkan bahawa item-item memiliki ketekalan dalaman yang baik. Instrumen yang dibina turut menunjukkan bukti kesahan serentak apabila diuji dengan soal selidik *Self-Perceived Assessment Skills* dan *Attitude Toward Educational Measurement Inventory*. Pada fasa penentuan profil, instrumen dengan 125 item ini telah ditadbirkan ke atas 330 orang guru pelatih di tiga buah UA untuk mendapatkan profil tahap kompetensi guru pelatih dalam PBD.





THE DEVELOPMENT OF AN INSTRUMENT TO MEASURE TRAINEE TEACHER LEVEL OF COMPETENCY IN CLASSROOM ASSESSMENT

ABSTRACT

This study was designed to develop an instrument to measure pre-service teacher's level of competency in classroom assessment. The instrument development process involves five phases: test conceptualization, item construction, item tryout, item analysis, and profile determination. In the test conceptualization phase, researcher analyzed previous studies on classroom assessment and conducted interviews with experts. Hence, classroom assessment competency has been conceptualized as having three constructs: knowledge, skills, and attitudes towards classroom assessment. In the item construction phase, a total of 183 items with five-point Likert-type scale were generated. Based on the recommendations from experts, a total of 63 items were dropped and a total of five items were added, bringing the total number of items to 125. Cohen Kappa analysis showed a consistency in the agreement among experts on the appropriateness of items ($\kappa = 0.66$ to 1.00). In the item tryout phase, instrument with 125 items was administered to 565 pre-service teachers from three UAs. The result of confirmatory factor analysis showed that the three measurement models (knowledge, skills, and attitude) fit with the data where the fit values meets the minimum required level ($CFI > 0.9$, $RMSEA < 0.08$, and $\chi^2/df < 5$). The composite reliability coefficients for the three constructs (knowledge, skills, and attitude) were in the range of 0.848 to 0.974, indicating that the items have good internal consistency. This instrument also shows the presence of concurrent validity evidence when tested with Self-Perceived Assessment Skills Scale and Attitude toward Educational Measurement Inventory. In the profile determination phase, the instrument which consists of 125 items was administered to 330 pre-service teachers in three UAs to obtain the profile of pre-service teacher's level of competency in classroom assessment.



KANDUNGAN

Halaman

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI ILUSTRASI	xiii
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB I PENDAHULUAN

 1.1	 Pengenalan	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi	1
1.2	Latar Belakang Kajian				1
1.3	Permasalahan Kajian				4
1.4	Kerangka Teori				8
1.5	Kerangka Konseptual Kajian				12
1.6	Tujuan Kajian				15
1.7	Objektif Kajian				15
1.8	Persoalan Kajian				16
1.9	Hipotesis Kajian				16
1.10	Kepentingan Kajian				18
1.11	Batasan Kajian				19
1.12	Definisi Istilah				20
	1.12.1 Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)				20
	1.12.2 Kompetensi Guru Pelatih Dalam PBD				20
	1.12.3 Pengetahuan PBD				21
	1.12.4 Kemahiran PBD				21
	1.12.5 Sikap Terhadap PBD				22
1.13	Rumusan				22

BAB II**KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	23
2.2	Konsep Kompetensi Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)	23
2.3	Kepentingan Kompetensi PBD	26
2.4	Model-Model Kompetensi dalam PBD	27
2.5	Instrumen Kompetensi Guru dalam PBD	30
2.6	Teori Yang Mendasari Kajian	32
2.6.1	Model Kompetensi Spencer dan Spencer	32
2.6.2	Model Kompetensi Parry	35
2.6.3	Model Konseptual Pendidikan Guru	36
2.7	Prosedur Pembinaan Instrumen	36
2.7.1	Fasa Pembentukan Konsep	37
2.7.2	Fasa Pembinaan Item	39
2.7.3	Fasa Pengujian Item	40
2.7.4	Fasa Penganalisan Item	41
2.7.5	Fasa Menyemak Semula Item	42
2.8	Pendekatan Dalam Pembinaan Instrumen	43
2.8.1	Pendekatan Rasional	43
2.8.2	Pendekatan Empirikal	43
2.8.3	Pendekatan Rasional-Empirikal	44
2.9	Penyaringan Data	44
2.9.1	Data Tidak Lengkap	44
2.9.2	Data Pencilan	45
2.9.3	Andaian Statistik Analisis Multivariat	46
2.10	Kesahan	49
2.10.1	Kesahan Muka	52
2.10.2	Kesahan Kandungan	52
2.10.3	Kesahan Kriteria	53
2.10.4	Kesahan Konstruk	54
2.11	Kebolehpercayaan	57
2.11.1	Kaedah Kebolehpercayaan Kestabilan	59
2.11.2	Kaedah Kebolehpercayaan Ketekalan Dalam	60
2.11.3	Kaedah Kebolehpercayaan Kesetaraan	63
2.11.4	Kaedah Kebolehpercayaan Antara Pemeriksa	64
2.12	Analisis Faktor	65
2.12.1	Analisis Faktor Penerokaan	65
2.12.2	Analisis Faktor Pengesahan	67
2.13	Rumusan	71

BAB III METODOLOGI

3.1	Pengenalan	72
3.2	Reka Bentuk Kajian	72
3.2.1	Fasa 1: Pembentukan Konsep	74
3.2.2	Fasa 2: Pembinaan Item	75
3.2.3	Fasa 3: Pengujian Item	76
3.2.4	Fasa 4: Penganalisan Item	77
3.2.5	Fasa 5: Penentuan Profil	78
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	79
3.3.1	Sampel Pakar	79
3.3.2	Sampel Guru Pelatih	80
3.4	Instrumen Kajian	84
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	85
3.6	Prosedur Penganalisan Data	86
3.6.1	Analisis Data Kualitatif	86
3.6.2	Analisis Data Kuantitatif	86
3.7	Penyaringan Data	89
3.8	Rumusan	91

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	92
4.2	Dapatan Persoalan Kajian Pertama	93
4.2.1	Analisis Terhadap Model-Model Kompetensi Dalam PBD	93
4.2.2	Dapatan Temu Bual Dengan Pakar	96
4.3	Dapatan Persoalan Kajian Kedua	108
4.3.1	Pembinaan Jadual Spesifikasi Instrumen	108
4.3.2	Penulisan Item	108
4.4	Dapatan Persoalan Kajian Ketiga	110
4.4.1	Semakan Pakar	111
4.4.2	Pengujian Item	113
4.4.3	Penganalisan Item	114
4.5	Dapatan Persoalan Kajian Keempat	128
4.5.1	Profil Tahap Kompetensi Guru Pelatih Secara Keseluruhan	128
4.5.2	Profil Tahap Kompetensi Guru Pelatih Berdasarkan Jantina	132
4.6	Rumusan	138

BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN, DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	141
5.2	Ringkasan Kajian	141
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	144
5.3.1	Atribut Kompetensi PBD	144
5.3.2	Pembinaan Item	147
5.3.3	Kesahan	149
5.3.4	Kebolehpercayaan	155
5.3.5	Profil Tahap Kompetensi Guru Pelatih Dalam PBD	155
5.3.6	Rumusan Dapatan Kajian	159
5.4	Implikasi Kajian	160
5.4.1	Implikasi Teoritik	160
5.4.2	Implikasi Praktikal	162
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	164
5.6	Kesimpulan dan Penutup	165

RUJUKAN	168
----------------	-----

LAMPIRAN

Lampiran A	Ringkasan Maklumat Model-Model Kompetensi PBD	178
Lampiran B	Ringkasan Maklumat Instrumen Kompetensi PBD	180
Lampiran C	Dapatan Temu Bual Pakar	183
Lampiran D	Instrumen Kompetensi Guru Pelatih Dalam PBD Untuk Semakan Pakar	199
Lampiran E	Jadual Spesifikasi Instrumen Kompetensi Guru Pelatih Dalam PBD Untuk Semakan Pakar	218
Lampiran F	Item Konstruk Pengetahuan PBD Yang Diperbaiki Berdasarkan Cadangan Pakar	222
Lampiran G	Rumusan Item Instrumen Kompetensi Guru Pelatih Dalam PBD Yang Digugurkan, Dikekalkan, Ditambah, Dan Diperbaiki Berdasarkan Cadangan Pakar	224
Lampiran H	Dapatan Analisis Persetujuan Pakar Cohen Kappa	229
Lampiran I	Instrumen Kompetensi Guru Pelatih Dalam PBD Untuk Pengujian Item Tidak Formal	238
Lampiran J	Instrumen Kompetensi Guru Pelatih Dalam PBD Untuk Pengujian Item Secara Formal	255



Lampiran K	Jadual Spesifikasi Instrumen Kompetensi Guru Pelatih Dalam PBD Untuk Pengujian Item Secara Formal	268
Lampiran L	Dapatan Pemeriksaan Andaian Analisis Multivariat – Pengujian Item Secara Formal	271
Lampiran M	Nilai Pemuatan Faktor, Kebolehpercayaan Komposit (CR) Dan Purata Varians Diekstrakkan (AVE)	278
Lampiran N	Dapatan Pemeriksaan Andaian Analisis Multivariat – Fasa Penentuan Profil	281
Lampiran O	Rumusan Konstruk, Subkonstruk, Dan Bilangan Item IKGP Dalam PBD	287
Lampiran P	Senarai Pakar Kajian	288
Lampiran Q	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	289



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
Jadual 2.1	Saiz sampel minimum untuk menjalankan analisis SEM	69
Jadual 3.1	Sampel fasa pengujian item secara tidak formal	81
Jadual 3.2	Sampel fasa pengujian item secara formal	83
Jadual 3.3	Sampel fasa penentuan profil	84
Jadual 3.4	Konstruk, subkonstruk, dan format respons IKGP dalam PBD	85
Jadual 3.5	Ringkasan analisis data	89
Jadual 4.1	Dapatan analisis model-model kompetensi dalam PBD	94
Jadual 4.2	Bilangan item dan format respons IKGP dalam PBD	110
Jadual 4.3	Rumusan item-item yang digugurkan berdasarkan cadangan pakar	112
Jadual 4.4	Taburan bilangan item dalam setiap konstruk sebelum dan selepas penilaian pakar	112
Jadual 4.5	Perbandingan antara nilai korelasi dengan nilai punca kuasa dua AVE bagi setiap subkonstruk pengetahuan PBD	117
Jadual 4.6	Rumusan keputusan pengujian hipotesis model pengukuran pengetahuan PBD	118
Jadual 4.7	Perbandingan antara nilai korelasi dengan nilai punca kuasa dua AVE bagi setiap subkonstruk kemahiran dalam PBD	120
Jadual 4.8	Rumusan keputusan pengujian hipotesis model pengukuran kemahiran PBD	121
Jadual 4.9	Perbandingan antara nilai korelasi dengan nilai punca kuasa dua AVE bagi setiap subkonstruk sikap terhadap PBD	124
Jadual 4.10	Rumusan keputusan pengujian hipotesis model pengukuran sikap terhadap PBD	125
Jadual 4.11	Nilai korelasi antara konstruk pengetahuan PBD dengan instrumen <i>Self-Perceived Assessment Skills</i>	126
Jadual 4.12	Nilai korelasi antara konstruk kemahiran PBD dengan konstruk instrumen <i>Self-Perceived Assessment Skills</i>	127



Jadual 4.13	Nilai korelasi antara konstruk sikap terhadap PBD dengan ATEMI	128
Jadual 4.14	Tahap kompetensi guru pelatih pada setiap konstruk berdasarkan jantina	133
Jadual 4.15	Tahap kompetensi guru pelatih dalam setiap subkonstruk pengetahuan PBD berdasarkan jantina	135
Jadual 4.16	Tahap kompetensi guru pelatih dalam setiap subkonstruk kemahiran PBD berdasarkan jantina	137
Jadual 4.17	Tahap kompetensi guru pelatih dalam setiap subkonstruk sikap terhadap PBD berdasarkan jantina	138



SENARAI ILUSTRASI

No. Rajah		Halaman
Rajah 1.1	Kerangka Teori Kajian	9
Rajah 1.2	Kerangka Konseptual Kajian	13
Rajah 2.1	Model kompetensi Spencer dan Spencer (1993)	34
Rajah 2.2	Model Konseptual Pendidikan Guru	36
Rajah 2.3	Jenis-jenis kesahan menurut Cohen et al. (2013)	50
Rajah 2.4	Jenis-jenis kesahan menurut Borgatti (2012)	50
Rajah 2.5.	Jenis-jenis bukti kesahan menurut Fur (2011)	51
Rajah 2.6	Jenis-jenis kebolehpercayaan	59
Rajah 3.1	Fasa pelaksanaan kajian	73
Rajah 4.1	Kerangka konseptual awal kajian	95
Rajah 4.2	Ciri-ciri atribut perancangan PBD	98
Rajah 4.3	Ciri-ciri atribut pembinaan instrumen PBD	98
Rajah 4.4	Ciri-ciri atribut pentadbiran instrumen PBD	99
Rajah 4.5	Ciri-ciri atribut pentaksiran prestasi	100
Rajah 4.6	Ciri-ciri atribut penskoran dan penggredan	100
Rajah 4.7	Ciri-ciri atribut analisis statistik	101
Rajah 4.8	Ciri-ciri atribut penggunaan hasil PBD	102
Rajah 4.9	Ciri-ciri atribut etika dalam PBD	102
Rajah 4.10	Ciri-ciri atribut penggunaan ICT dalam PBD	103
Rajah 4.11	Ciri-ciri atribut sikap terhadap kepentingan PBD	104
Rajah 4.12	Ciri-ciri atribut sikap terhadap analisis statistik	104
Rajah 4.13	Ciri-ciri atribut sikap terhadap kursus PBD	105
Rajah 4.14	Ciri-ciri atribut sikap terhadap perubahan dalam PBD	106
Rajah 4.15	Kerangka konseptual kajian	107



Rajah 4.16	Model pengukuran pengetahuan PBD	116
Rajah 4.17	Model pengukuran kemahiran PBD	119
Rajah 4.18	Model pengukuran sikap terhadap PBD	122
Rajah 4.19	Model pengukuran sikap terhadap PBD yang telah dimodifikasi	123
Rajah 4.20	Nilai skor min secara keseluruhan	129
Rajah 4.21	Nilai skor min bagi subkonstruk-subkonstruk pengetahuan PBD	130
Rajah 4.22	Nilai skor min bagi subkonstruk-subkonstruk kemahiran PBD	131
Rajah 4.23	Nilai skor min bagi subkonstruk-subkonstruk sikap terhadap PBD	132
Rajah 4.24	Nilai skor min bagi setiap konstruk	133
Rajah 4.25	Nilai skor min bagi subkonstruk-subkonstruk pengetahuan PBD	134
Rajah 4.26	Nilai skor min pada subkonstruk-subkonstruk kemahiran PBD	136
Rajah 4.27	Nilai skor min pada subkonstruk-subkonstruk sikap terhadap PBD	138



SENARAI SINGKATAN

AVE	<i>Average Variance Extracted</i>
CFI	<i>Comparative Fit Index</i>
CR	<i>Composite Reliability</i>
FP	Fakulti Pendidikan
ICT	<i>Information Communication Technology</i>
ILP	Institusi Latihan Perguruan
KMO	<i>Kaiser-Meyer-Olkin</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MD	<i>Mahalanobis Distance</i>
ML	<i>Maximum Likelihood</i>
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
RMSEA	<i>Root Mean Square Error Of Approximation</i>
UA	Universiti Awam
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USM	Universiti Sains Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia



BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan aspek-aspek penting dalam kajian yang dijalankan. Antara aspek yang dibincangkan adalah latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, dan definisi istilah. Turut dibincangkan secara mendalam adalah kerangka teori dan kerangka konseptual yang menjadi panduan dalam melaksanakan kajian ini.



1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pendidikan berperanan untuk membangunkan generasi muda yang memiliki kemahiran yang tinggi dan seimbang seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Bagi mencapai tujuan tersebut pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), untuk memastikan sistem pendidikan di Malaysia sentiasa relevan dan setanding dengan negara-negara maju. Sebagai contoh, KPM telah melaksanakan tiga pelan komprehensif berkaitan pendidikan, iaitu Pelan Pembangunan Pendidikan 2001-2010, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025. Kesemua pelan ini dijadikan sebagai hala tuju untuk menambah baik mutu pendidikan di negara ini. Walaupun dilaksanakan dalam waktu yang berbeza, namun terdapat pengulangan terhadap aspek tertentu yang merupakan kesinambungan daripada pelan sebelumnya. Salah satu daripada aspek tersebut melibatkan usaha kerajaan dalam memantapkan sistem pentaksiran di sekolah.





Sebagai contoh, Pelan Pembangunan Pendidikan 2001-2010 telah menggariskan bahawa perkembangan murid akan ditaksir secara lebih menyeluruh meliputi aspek kognitif dan afektif seperti emosi, jasmani, dan rohani. Kemajuan pembelajaran murid juga akan ditaksir secara berterusan di mana penggunaan ujian berbentuk rujukan kriteria akan lebih diutamakan berbanding peperiksaan yang berbentuk rujukan norma. Dalam erti kata yang lain, pencapaian murid akan ditentukan menerusi perbandingan dengan satu piawaian yang ditetapkan oleh KPM dan bukannya melalui perbandingan dengan pencapaian murid yang lain. Guru-guru juga akan dilatih dalam aktiviti pentaksiran terutamanya dalam aspek pengukuran afektif (KPM 2001).

Dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 pula, salah satu fokus untuk membangunkan generasi muda di negara ini ialah dengan memantapkan sistem pentaksiran dan penilaian yang lebih holistik. Ini kerana sistem pentaksiran dan penilaian yang baik berupaya untuk mencungkil potensi dan bakat murid dengan berkesan. Bagi tujuan tersebut, tiga strategi memantapkan sistem pentaksiran dan penilaian di sekolah telah diperkenalkan oleh KPM, iaitu menyediakan pentaksiran alternatif, mengkaji semula sistem pentaksiran dan penilaian untuk menjadikan sistem persekolahan tidak terlalu berorientasi peperiksaan, dan memantapkan kualiti sistem pentaksiran dan penilaian (KPM 2006).

Sementara itu dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, di bawah anjakan menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa sistem peperiksaan kebangsaan dan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) dirombak untuk meningkatkan tahap kemahiran berfikir aras tinggi murid. Melalui pendekatan ini murid akan dilatih untuk berfikir secara kritis dan mengaplikasikan pengetahuan dalam situasi yang bersifat *non routine*. Pada masa yang sama, pentaksiran berasaskan sekolah dengan format baharu juga akan turut diberikan penekanan untuk menaksir kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid (KPM 2013).

Di samping itu, KPM melalui Lembaga Peperiksaan (LP) memperkenalkan sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) berformat baharu yang lebih komprehensif bermula pada tahun 2011 (KPM 2014a). PBS dengan format baharu ini



mengandungi empat komponen utama, iaitu (1) pentaksiran sekolah, (2) pentaksiran berpusat, (3) pentaksiran psikometrik, dan (4) pentaksiran aktiviti jasmani, sukan, dan kokurikulum (KPM 2013). Tujuan utama pelaksanaan PBS ini ialah untuk menilai pencapaian murid secara lebih menyeluruh agar generasi masa hadapan yang dilahirkan menerusi sistem persekolahan di Malaysia adalah selaras dengan aspirasi dan objektif FPK (Mohd Rashid & Mohd Asri 2007; Salmiah, Ramlah, Ab. Rahim & Abdullah 2013). Selain itu, langkah ini diambil bagi mengurangkan kebergantungan kepada sistem peperiksaan awam yang telah diamalkan sebelum ini di samping menyelesaikan isu-isu seperti pengajaran berorientasikan peperiksaan dan kandungan peperiksaan awam yang tidak memenuhi aspirasi sistem pendidikan negara (KPM 2013).

Perubahan demi perubahan yang berlaku terhadap sistem pentaksiran di negara ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap amalan guru dalam pentaksiran bilik darjah atau ringkasnya PBD. Pada ketika ini, para guru dituntut untuk lebih berakuntabiliti dalam melaksanakan amalan pentaksiran terutamanya untuk mengukur kemajuan pembelajaran murid secara lebih menyeluruh dan untuk mengenal pasti keberkesanan pengajaran yang dilaksanakan (DeLuca & Klinger 2010; Zanaton, Siti Nor Aishah, & Siti NorAini 2013). Perubahan fokus dan format dalam sistem pentaksiran juga menyumbang kepada keperluan untuk guru-guru meningkatkan tahap kompetensi mereka dalam aspek PBD sejajar dengan perkembangan semasa bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas secara lebih profesional dan berkesan (Rohaya & Mohamed Najib 2008). Ini kerana guru yang memiliki tahap kompetensi yang baik dalam PBD dikatakan dapat meningkatkan kualiti pembelajaran murid seterusnya menyumbang kepada keberhasilan murid (KPM 2014b).

Menyedari hakikat bahawa guru perlu kompeten dalam melaksanakan tugas mereka, Bahagian Pendidikan Guru (BPG), KPM telah memperkenalkan Standard Guru Malaysia pada tahun 2009 sebagai piawaian ke atas kualiti yang harus dimiliki oleh para guru. Antara aspek yang disentuh oleh standard ini ialah berkaitan kompetensi guru dalam melaksanakan pentaksiran. Standard ini amat penting untuk menjadi rujukan kepada para guru dalam melaksanakan pentaksiran kerana aspek ini adalah sangat luas sehingga tidak wujud kerangka pelaksanaan yang jelas (Suah &

Ong 2012). Oleh yang demikian, terdapat keperluan untuk membantu para guru mengoptimumkan penggunaan pentaksiran dalam pembelajaran dan memantau perkembangan murid (DeLuca & Klinger 2010).

Rumusannya, KPM benar-benar komited untuk melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi dan seimbang seperti yang dihasratkan oleh FPK. Hal ini dapat dilihat menerusi pengenalan pelbagai inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan bagi tujuan meningkatkan lagi kualiti pendidikan di negara ini. Salah satu inisiatif tersebut ialah dengan menambah baik sistem pentaksiran pendidikan. Usaha penambahbaikan ini secara tidak langsung menunjukkan pengiktirafan KPM terhadap kepentingan sistem pentaksiran kepada pendidikan negara. Walau bagaimanapun, segala inisiatif ini akan menjadi sia-sia seandainya guru-guru yang memikul tanggungjawab untuk melaksanakan sistem ini tidak berupaya merealisasikannya seperti yang dihasratkan. Disebabkan itu, KPM amat memerlukan para guru yang berkompentensi tinggi dan komited terhadap profesionnya (Saedah & Mohammed Sani 2012). Menyedari betapa pentingnya peranan yang dimainkan oleh guru dalam sistem pendidikan negara, maka guru pelatih seharusnya dipersiapkan dengan segala kompetensi yang diperlukan untuk membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan berkesan seterusnya menyumbang kepada pencapaian matlamat pendidikan negara.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Perubahan sistem pentaksiran berasaskan peperiksaan kepada sistem PBS dengan format baharu telah meningkatkan lagi jangkaan terhadap kepakaran guru dalam melaksanakan aktiviti pentaksiran. Ini kerana sistem pentaksiran yang baik dipercayai dapat memastikan kualiti dalam pendidikan (KPM 2001) selain berupaya untuk mencungkil potensi dan bakat murid (KPM 2006). Oleh kerana itu, guru hendaklah memiliki tahap kompetensi yang tinggi untuk melaksanakan aktiviti PBD (Zanaton et al. 2013; Zhang & Burry-Stock 2003).

Walaupun bagaimanapun, dapatan kajian-kajian lepas menunjukkan pelaksanaan aktiviti PBD guru-guru masih kurang memuaskan (Suah & Ong 2012; Suah, Ong, & Shuki 2010; Rohaya & Mohd Najib 2008; Mohamad Azhar 2006). Guru-guru



dikatakan tidak mematuhi prosedur amalan pentaksiran yang sah (Looi-Chin & Soubakeavathi 2013; Suah & Ong 2012; Mohamad Azhar 2006), lebih cenderung melaksanakan pentaksiran tradisional, dan jarang menyediakan jadual penentu ujian, membina item ujian sendiri, atau melaksanakan analisis item (Suah et al. 2010). Guru-guru juga dikatakan sering bergantung kepada buku rujukan dalam membina item ujian, kurang memahami ciri-ciri amalan pentaksiran yang baik, dan hanya melaksanakan PBD sekadar untuk mematuhi arahan dari pihak atasan (Looi-Chin & Soubakeavathi 2013). Dapatan kajian-kajian ini menggambarkan guru-guru bukan sahaja lemah dalam aspek pengetahuan dan kemahiran, bahkan dalam aspek yang berkait dengan sikap untuk melaksanakan PBD. Sekiranya kelemahan guru-guru ini tidak diatasi dengan segera, ia akan memberi kesan terhadap kualiti pembelajaran murid, bagaimana mereka mempelajarinya, dan kualiti penilaian yang dibuat ke atas pencapaian mereka (Schafer 1993).

Rumusan yang dapat dibuat hasil daripada dapatan kajian-kajian ini ialah, memiliki pengetahuan dan kemahiran sahaja seolah-olah tidak mencukupi dalam memandu guru melaksanakan aktiviti PBD yang berkualiti. Latihan dalam PBD sama ada praperkhidmatan mahupun dalam perkhidmatan, tidak dinafikan dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru dalam PBD. Guru juga mungkin boleh akur dengan segala panduan dan peraturan PBD yang disediakan oleh pihak KPM semasa menaksir prestasi murid namun, langkah ini mungkin hanya dapat melahirkan guru-guru yang melaksanakan aktiviti PBD semata-mata kerana mematuhi arahan pihak atasan dan bukannya atas kesedaran diri sendiri. Oleh kerana itu, latihan PBD yang baik, seharusnya bukan sahaja tertumpu kepada aspek pengetahuan dan kemahiran semata-mata bahkan turut perlu memberi fokus kepada aspek kualiti peribadi guru.

Pendapat ini adalah selari dengan konsep kompetensi seperti yang dicadangkan oleh pakar-pakar kompetensi seperti Boyatzis (1982), Spencer dan Spencer (1993), dan Parry (1996). Misalnya, Spencer dan Spencer (1993) menyatakan bahawa kompetensi mengandungi dua komponen utama, iaitu kompetensi asas dan kompetensi pembeza. Kompetensi asas atau *threshold competencies* merupakan kompetensi minimum yang diperlukan untuk melaksanakan tugas dan terdiri daripada pengetahuan dan kemahiran. Sementara itu, kompetensi pembeza atau





differentiating competencies berperanan sebagai pemangkin kepada individu untuk menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki dalam melaksanakan satu tugas. Sehubungan dengan itu, bagi melahirkan guru yang benar-benar berkompentensi tinggi dalam aspek pentaksiran, KPM dan Institusi Latihan Perguruan (ILP) seperti Universiti Awam atau ringkasnya UA disarankan untuk mengambil kira kedua-dua aspek kompetensi ini dalam sebarang program latihan perguruan sama ada praperkhidmatan mahupun dalam perkhidmatan.

Dapatan kajian-kajian lepas yang menunjukkan tahap kompetensi guru dalam PBD yang kurang memuaskan turut menjejaskan imej ILP. Program ini dikatakan kurang memenuhi keperluan amalan pentaksiran guru yang sebenar, cakupan kandungan kursus yang tidak komprehensif dan berguna kepada para guru (Schafer 1993), serta tidak memberikan pemahaman yang mendalam dan mencukupi tentang penggunaan pelbagai pendekatan PBD (Volante & Fazio 2007). Dalam erti kata yang lain, program latihan pentaksiran yang dilaksanakan adalah kurang berkesan (Schafer 1993) sehingga menyebabkan guru kurang berjaya melaksanakan aktiviti PBD dengan baik.



Walau bagaimanapun, Goodwin dan Oyler (2008) telah memberikan pandangan yang berbeza terhadap isu ini. Menurut mereka, isu ini timbul disebabkan kurangnya kajian yang dijalankan oleh ILP untuk menilai tahap kompetensi guru pelatih terutamanya dalam aspek PBD. Pandangan ini mungkin ada benarnya kerana tidak banyak kajian yang dijalankan untuk mengukur tahap kompetensi guru pelatih dalam PBD (Volante & Fazio 2007). Situasi ini turut berlaku di Malaysia apabila KPM (2013) melaporkan bahawa mereka tidak memiliki maklumat komprehensif mengenai program latihan perguruan yang dikendalikan oleh pihak UA. Di samping itu, kebanyakan kajian yang dijalankan di dalam negara juga lebih banyak memfokuskan kepada pengukuran tahap kompetensi PBD guru dalam perkhidmatan. Sungguhpun terdapat kajian-kajian dijalankan untuk mengukur tahap kompetensi guru pelatih dalam PBD di luar negara, namun dapatan kajian-kajian ini mungkin sukar untuk dipraktikkan sepenuhnya di negara ini kerana dipengaruhi oleh faktor budaya yang berbeza. Senario ini memperlihatkan bahawa terdapat keperluan untuk mengetahui tahap kompetensi guru pelatih di UA khususnya dalam PBD.





Kompetensi guru pelatih seharusnya ditentukan sejak berada di ILP lagi. Langkah ini amat signifikan memandangkan realiti sebenar yang berlaku di sekolah pada hari ini memerlukan guru permulaan melaksanakan beban tugas yang sama dengan guru-guru lebih berpengalaman (Fatiha, Abd Razak, & Shanina Sharatol 2013). Disebabkan itu, mereka perlulah memiliki tahap kompetensi yang baik untuk menguruskan proses pengajaran dan pembelajaran walaupun masih berstatus guru permulaan. Tidak dinafikan bahawa, pihak KPM ada menyediakan program pembangunan profesional kepada guru dalam perkhidmatan, namun, program-program ini selalunya dikatakan gagal mencapai objektif seperti yang dihasratkan (Tina, Zoraini, & Norziati 2013; Nor Hasnida 2015). Di samping itu, dapatan kajian Suah et al. (2010) turut menunjukkan bahawa masih terdapat guru yang tidak pernah mengikuti sebarang kursus PBD walaupun telah lama berkhidmat sebagai guru. Keadaan ini memberikan implikasi bahawa ILP perlu melahirkan guru pelatih yang kompeten khususnya dalam aspek PBD agar mereka lebih bersedia berhadapan dengan situasi sebenar di bilik darjah.



Untuk mengetahui tahap kompetensi guru pelatih dalam PBD, satu instrumen yang sesuai dan memiliki ciri-ciri psikometrik yang baik adalah diperlukan. Dalam hal ini, penggunaan instrumen yang standard adalah paling sesuai kerana lebih sistematik dan objektif, menjimatkan kos, mudah ditadbir, penskoran yang lebih mudah, dan boleh ditadbir ke atas sampel yang ramai (Jensen & Haynes 1985; Metzger & Wu 2008). Walaupun terdapat instrumen Standard Guru Malaysia (SGM) yang dibina oleh pihak KPM, namun aspek kompetensi pentaksiran kurang disentuh dalam SGM (Suah 2012). Terdapat juga instrumen-instrumen berkaitan kompetensi guru dalam PBD yang dibina di dalam negara, namun kebanyakan instrumen ini hanya menumpukan kepada aspek kompetensi asas guru dalam PBD selain digunakan dalam konteks guru dalam perkhidmatan. Di samping itu, instrumen dibangunkan oleh pengkaji-pengkaji lepas didapati kurang menfokuskan kepada teori kompetensi yang seharusnya turut mengambil kira aspek kualiti peribadi guru.


Keadaan ini menunjukkan terdapat keperluan membina satu instrumen dengan ciri-ciri psikometrik yang baik dan didasari oleh teori kompetensi untuk digunakan dalam menaksir tahap kompetensi guru pelatih dalam aspek PBD. Kewujudan instrumen sebegini selain dapat membantu bakal guru untuk membuat refleksi



terhadap tahap kompetensi mereka dalam aspek PBD turut dapat dijadikan sebagai panduan kepada penambahbaikan program pendidikan guru (Goh 2011; Stiggins 1999). Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk membina instrumen mengukur tahap kompetensi guru pelatih dalam PBD.

1.4 KERANGKA TEORI

Kajian ini mengadaptasi model kompetensi yang telah dicadangkan oleh Spencer dan Spencer (1993). Selain itu pengkaji turut menganalisis tujuh model kompetensi PBD sedia ada iaitu model *Standards for Teacher Competence in Educational Assessment of Students* oleh AFT, NCME, dan NEA (1990), *Educational Assessment Knowledge And Skills For Teachers* oleh Brookhart (2011), model Standard Guru Malaysia oleh Bahagian Pendidikan Guru KPM (2009), model Literasi Dan Amalan Pentaksiran Guru oleh Suah et al. (2010), model Literasi Pentaksiran Guru oleh Rohaya dan Mohd Najib (2008), model Sikap Terhadap Pentaksiran Pendidikan oleh Bryant dan Barnes (1997), model Kompetensi Pentaksiran oleh Stiggins (1998) dan menjalankan temu bual dengan enam orang pakar dalam PBD. Hasilnya, kerangka teori kajian ini dapat digambarkan seperti dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1 Kerangka Teori Kajian

Model kompetensi Spencer dan Spencer (1993) diadaptasi kerana memberikan perbezaan yang jelas mengenai domain-domain yang terdapat dalam kompetensi PBD, iaitu kompetensi asas dan kompetensi pembeza. Kompetensi asas merupakan kompetensi minimum yang diperlukan untuk melaksanakan tugas. Aspek ini mudah untuk dilihat dan diukur kerana melibatkan komponen pengetahuan dan kemahiran. Sementara itu, kompetensi pembeza merupakan ciri yang membezakan antara individu berprestasi tinggi dengan individu berprestasi biasa. Aspek ini sering dikaitkan dengan elemen peribadi individu seperti motif, konsep sendiri, dan sifat peribadi.

Menurut Spencer dan Spencer (1993), sifat peribadi, dan motif adalah kompetensi yang terpendam, mendalam dan berkait dengan personaliti individu. Aspek ini agak sukar untuk diukur dan diterapkan menerusi latihan. Konsep sendiri terdiri daripada sikap dan nilai, merupakan kompetensi yang berada di tengah antara kedua-dua dimensi di atas. Aspek ini boleh dipupuk menerusi latihan namun memerlukan lebih masa dan agak sukar. Menurut Mohammed Sani (2007), ciri-ciri peribadi seperti sifat peribadi, motif dan konsep sendiri merupakan faktor penting yang akan membezakan pekerja berprestasi tinggi dengan pekerja berprestasi biasa.

Sementara itu Parry (1996) berpendapat, ciri-ciri peribadi seperti nilai dan gaya, sungguhpun menyumbang kepada kejayaan dalam pelaksanaan tugas, namun, tidak dapat dibina menerusi latihan. Menurut beliau, hanya pengetahuan, kemahiran, dan sikap sahaja yang dapat dibangunkan menerusi latihan. Beliau memberikan hujah bahawa dalam konteks psikologi, proses pembelajaran adalah melibatkan aspek kognitif (pengetahuan), afektif (perasaan), dan psikomotor (tingkah laku), dan kesemua ciri ini adalah berkait dengan definisi kompetensi seperti yang dicadangkan olehnya.

Percanggahan pendapat antara Spencer dan Spencer (1993) dan Parry (1996) terhadap aspek kompetensi yang dapat dilatih, menyebabkan pengkaji membuat keputusan untuk menumpukan kepada tiga aspek kompetensi yang telah disepakati dapat dibina menerusi latihan, iaitu pengetahuan, kemahiran, dan sikap. Ini kerana dalam konteks latihan perguruan di Malaysia, tempoh masa yang diperuntukkan untuk menjalani latihan ini adalah amat singkat. Oleh itu, hanya kompetensi tertentu sahaja



yang dapat diterapkan dalam tempoh tersebut. Sehubungan dengan itu, adalah wajar bagi pengkaji untuk membangunkan instrumen bagi mengukur aspek kompetensi yang relevan dengan konteks latihan perguruan di negara ini.

Menurut Spencer dan Spencer (1993), pengetahuan merujuk kepada maklumat yang dimiliki oleh individu dalam bidang kandungan yang tertentu. Maklumat ini adalah berlandaskan kepada fakta yang dapat memandu individu dalam tindakan yang diambil (Calderhead 1996). Hal ini bermaksud bahawa terdapat bukti-bukti yang boleh digunakan oleh individu berkenaan untuk mempertahankan kenyataan tersebut (Richardson 1996). Dalam konteks kajian ini, pengetahuan guru pelatih dalam PBD merujuk kepada penilaian sendiri guru pelatih terhadap tahap pengetahuan mereka dalam sembilan aspek PBD yang dikaji, iaitu perancangan PBD, pembinaan instrumen PBD, pentadbiran instrumen PBD, pentaksiran prestasi, analisis statistik, penggunaan hasil PBD, penskoran dan penggredan, penggunaan ICT dalam PBD, dan etika dalam PBD.



Kemahiran pula merujuk kepada keupayaan individu untuk melaksanakan tugas fizikal atau mental yang tertentu (Spencer & Spencer 1993). Keupayaan merupakan satu sistem dan urutan tingkah laku yang berfungsi untuk mencapai matlamat prestasi yang ditetapkan (Boyatzis 1982). Dalam konteks kajian ini, kemahiran guru pelatih dalam PBD merujuk kepada penilaian sendiri guru pelatih terhadap tahap kemahiran mereka dalam sembilan aspek PBD yang dikaji, iaitu perancangan PBD, pembinaan instrumen PBD, pentadbiran instrumen PBD, pentaksiran prestasi, penggunaan ICT dalam PBD, analisis statistik, penggunaan hasil PBD, penskoran dan penggredan, dan etika dalam PBD

Guru pelatih yang berkompetensi dalam PBD bukan sahaja perlu menguasai pengetahuan dan kemahiran dalam PBD, bahkan perlu memiliki sikap yang positif terhadap PBD. Dalam hal ini Richardson (1996) mengaitkan sikap dengan '*predisposition that consistently affect actions...*'. Tambahnya lagi, elemen ini amat penting kerana mempengaruhi guru pelatih untuk belajar dan berubah. Sikap juga merupakan karakter yang menyediakan nilai yang kukuh, kepercayaan, dan kemahiran kepada guru pelatih untuk membuat keputusan dan tindakan dalam pelaksanaan tugas mereka kelak (Mohammed Sani 2007). Dalam erti kata yang lain, sikap memandu






guru pelatih untuk menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki dalam melaksanakan aktiviti PBD bagi menyokong pembelajaran murid. Guru pelatih yang bersikap positif terhadap PBD sentiasa sedar akan kepentingan PBD kepada pengajaran, memiliki reaksi yang positif terhadap analisis statistik dalam PBD, dan sentiasa berkeinginan untuk mengikuti kursus dalam PBD (Bryant & Barnes 1997).

1.5 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Seperti yang dinyatakan di bahagian 1.4, penentuan konsep kompetensi guru pelatih dalam konteks kajian ini merupakan adaptasi terhadap model kompetensi Spencer dan Spencer (1993), hasil analisis terhadap tujuh model kompetensi PBD sedia ada seperti *Standards for Teacher Competence in Educational Assessment of Students* oleh AFT, NCME, dan NEA (1990), *Educational Assessment Knowledge And Skills For Teachers* oleh Brookhart (2011), model Standard Guru Malaysia oleh Bahagian Pendidikan Guru KPM (2009), model Literasi Dan Amalan Pentaksiran Guru oleh Suah et al. (2010), model Literasi Pentaksiran Guru oleh Rohaya dan Mohd Najib (2008), dan model Sikap Terhadap Pentaksiran Pendidikan oleh Bryant dan Barnes (1997), model Kompetensi Pentaksiran oleh Stiggins (1998), dan temu bual dengan enam orang pakar dalam PBD seterusnya menghasilkan kerangka konseptual kajian ini seperti yang dipaparkan pada Rajah 1.2.





*Dicadangkan oleh pakar

Rajah 1.2 Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.2 menunjukkan tiga pembolehubah pendam yang terkandung dalam kerangka konseptual kajian ini, iaitu pengetahuan PBD, kemahiran PBD, dan sikap terhadap PBD. Ketiga-tiga pembolehubah pendam ini dilukis dalam bentuk elips. Pembolehubah pendam yang pertama, iaitu pengetahuan PBD diandaikan akan mewujudkan variasi dan kovariasi terhadap sembilan pembolehubah dicerap, iaitu perancangan PBD, pembinaan instrumen PBD, pentadbiran instrumen PBD, pentaksiran prestasi, analisis statistik, penskoran dan penggredan, penggunaan hasil PBD, penggunaan ICT dalam PBD, dan etika dalam PBD (Brookhart 2011; KPM 2008; Suah et al. 2010; Rohaya dan Mohd Najib 2008). Kesemua pembolehubah dicerap adalah dalam bentuk segi empat tepat dan hubungan antara kedua-dua jenis pembolehubah ini ditunjukkan menerusi anak panah dari pembolehubah pendam pengetahuan PBD ke arah semua pembolehubah dicerap tersebut.

Pembolehubah pendam kedua, iaitu kemahiran PBD diandaikan akan mewujudkan variasi dan kovariasi terhadap sembilan pembolehubah dicerap yang diwakili oleh bentuk segi empat tepat. Sembilan pembolehubah dicerap tersebut ialah perancangan PBD, pembinaan instrumen PBD, pentadbiran instrumen PBD, pentaksiran prestasi, analisis statistik, penskoran dan penggredan, penggunaan hasil PBD, penggunaan ICT dalam PBD, dan etika dalam PBD (Brookhart 2011; KPM 2008; Suah et al. 2010; Rohaya dan Mohd Najib 2008). Hubungan antara kedua-dua jenis pembolehubah ini ditunjukkan menerusi anak panah dari pembolehubah pendam kemahiran PBD ke arah semua pembolehubah dicerap berkenaan.

Pembolehubah pendam ketiga dan terakhir, dikenali sebagai sikap terhadap PBD. Sikap terhadap PBD diandaikan akan mewujudkan variasi dan kovariasi ke atas empat pembolehubah dicerap iaitu sikap terhadap kepentingan PBD, sikap terhadap analisis statistik, sikap terhadapurus PBD (Bryant dan Barnes 1997) dan sikap terhadap perubahan dalam PBD. Hubungan ini ditunjukkan menerusi anak panah dari pembolehubah pendam sikap terhadap PBD ke arah semua pembolehubah dicerap tersebut yang diwakili oleh bentuk segi empat tepat.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mendapatkan bukti-bukti kesahan bagi faktor-faktor yang diandaikan menyumbang kepada pembentukan pembolehubah pendam pengetahuan PBD, kemahiran PBD, dan sikap terhadap PBD.

Faktor-faktor yang diandaikan menyumbang kepada pembentukan pembolehubah pendam pengetahuan PBD ialah pengetahuan perancangan PBD, pembinaan instrumen PBD, pentadbiran instrumen PBD, pentaksiran prestasi, analisis statistik, penskoran dan penggredan, penggunaan hasil PBD, penggunaan ICT dalam PBD, dan etika dalam PBD. Seterusnya, faktor-faktor yang diandaikan menyumbang kepada pembentukan pembolehubah pendam kemahiran PBD ialah perancangan PBD, pembinaan instrumen PBD, pentadbiran instrumen PBD, pentaksiran prestasi, analisis statistik, penskoran dan penggredan, penggunaan hasil PBD, penggunaan ICT dalam PBD, dan etika dalam PBD. Akhir sekali faktor-faktor yang diandaikan menyumbang kepada pembentukan pembolehubah pendam sikap terhadap PBD ialah sikap terhadap kepentingan PBD, sikap terhadap analisis statistik, sikap terhadap kursus PBD dan sikap terhadap perubahan dalam PBD.

1.6 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk membina instrumen bagi mengukur tahap kompetensi guru pelatih tahun akhir yang sedang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) di UA dalam aspek PBD. Selain itu, kajian ini juga dijalankan bertujuan mendapatkan profil tahap kompetensi guru pelatih dalam aspek PBD.

1.7 OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat empat objektif kajian yang ingin dicapai, iaitu:

1. Menenal pasti atribut-atribut kompetensi guru pelatih dalam PBD melalui analisis kajian lepas dan pandangan pakar-pakar dalam kajian.
2. Membina item-item instrumen kompetensi guru pelatih dalam PBD.
3. Menentukan kesahan dan kebolehpercayaan item-item instrumen kompetensi guru pelatih dalam PBD.
4. Mendapatkan profil tahap kompetensi guru pelatih dalam PBD dengan menggunakan instrumen kompetensi guru pelatih dalam PBD.

1.8 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menjawab empat persoalan kajian, iaitu:

1. Apakah atribut-atribut kompetensi guru pelatih dalam PBD yang diperoleh melalui analisis kajian lepas dan pandangan pakar-pakar?
2. Apakah item-item instrumen kompetensi guru pelatih dalam PBD?
3. Adakah item-item instrumen kompetensi guru pelatih dalam PBD mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang boleh diterima?
4. Apakah profil tahap kompetensi guru pelatih dalam PBD?

1.9 HIPOTESIS KAJIAN

Dalam persoalan kajian ketiga, analisis faktor pengesahan telah digunakan untuk mendapatkan bukti kesahan item-item instrumen dalam kajian ini. Analisis ini dijalankan bagi menguji 12 hipotesis kajian yang disusun mengikut model pengukuran pengetahuan PBD, kemahiran PBD, dan sikap terhadap PBD seperti berikut:

1. Model pengukuran pengetahuan PBD

- H₁: Pengetahuan PBD dapat dijelaskan oleh sembilan faktor iaitu pengetahuan perancangan PBD (P1), pembinaan instrumen PBD (P2), pentadbiran instrumen PBD (P3), pentaksiran prestasi (P4), penskoran dan penggredan (P5), analisis statistik (P6), penggunaan hasil PBD (P7), penggunaan ICT dalam PBD (P8), dan etika dalam PBD (P9).
- H₂: Setiap indikator mempunyai pemuatan bukan sifar (*nonzero*) pada setiap faktor yang dihipotesiskan (*targeted factor*).
- H₃: Setiap indikator mempunyai pemuatan sifar pada faktor-faktor yang tidak dihipotesiskan (*non-targeted factors*).
- H₄: Ralat pengukuran adalah saling tidak berkorelasi.

2. Model pengukuran kemahiran PBD

H₅: Kemahiran PBD dapat dijelaskan oleh sembilan faktor iaitu kemahiran perancangan PBD (K1), kemahiran pembinaan instrumen PBD (K2), kemahiran pentadbiran instrumen PBD (K3), kemahiran pentaksiran prestasi (K4), kemahiran penskoran dan penggredan (K5), kemahiran analisis statistik (K6), kemahiran penggunaan hasil PBD (K7), kemahiran penggunaan ICT dalam PBD (K8), dan kemahiran etika dalam PBD (K9).

H₆: Setiap indikator mempunyai pemuatan bukan sifar (*nonzero*) pada setiap faktor yang dihipotesiskan (*targeted factor*).

H₇: Setiap indikator mempunyai pemuatan sifar pada faktor-faktor yang tidak dihipotesiskan (*non-targeted factors*).

H₈: Ralat pengukuran adalah saling tidak berkorelasi.

3. Model pengukuran sikap terhadap PBD

H₉: Sikap terhadap PBD dapat dijelaskan oleh empat faktor iaitu sikap terhadap kepentingan PBD (S1), sikap terhadap analisis statistik (S2), sikap terhadap kursus PBD (S3), dan sikap terhadap perubahan dalam PBD (S4).

H₁₀: Setiap indikator mempunyai pemuatan bukan sifar (*nonzero*) pada setiap faktor yang dihipotesiskan (*targeted factor*).

H₁₁: Setiap indikator mempunyai pemuatan sifar pada faktor-faktor yang tidak dihipotesiskan (*non-targeted factors*).

H₁₂: Ralat pengukuran adalah saling tidak berkorelasi.

1.10 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk membina instrumen bagi mengukur tahap kompetensi guru pelatih dalam PBD atau singkatannya IKGP dalam PBD. Ini kerana guru yang memiliki tahap kompetensi yang baik khususnya dalam aspek PBD dipercayai akan dapat memastikan murid-murid di sekolah menerima pengajaran yang berkualiti. Bagi tujuan tersebut, aspek-aspek kompetensi PBD yang relevan dalam konteks pendidikan pada hari ini perlulah diketahui agar dapat diajarkan kepada semua guru sama ada di peringkat praperkhidmatan mahupun dalam perkhidmatan. Untuk itu dapatan menerusi kajian empirik adalah diperlukan bagi mengenal pasti aspek-aspek kompetensi PBD berkenaan yang perlu dikuasai oleh guru pada masa kini seterusnya dapat memberikan panduan kepada pihak yang terlibat dalam proses latihan perguruan.

Instrumen yang dibangunkan dalam kajian ini dapat digunakan oleh pihak Fakulti Pendidikan UA untuk menilai sejauh manakah tahap kompetensi guru pelatih mereka dalam aspek PBD. Maklumat sebegini adalah penting kerana dapat dijadikan sebagai input kepada pihak Fakulti Pendidikan UA untuk menambah baik program latihan perguruan di institusi masing-masing bagi memastikan program yang dijalankan adalah sentiasa relevan dan dapat memenuhi keperluan di sekolah. Di samping itu, maklumat sebegini juga dapat membantu pihak Fakulti Pendidikan UA untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan guru pelatih dalam aspek PBD seterusnya dapat dibantu sebelum mereka bergraduasi.

Selain itu, guru pelatih juga dapat menggunakan instrumen yang mempunyai ciri-ciri psikometrik yang baik sebagai salah satu cara penilaian sendiri untuk menentukan sama ada mereka telah menguasai elemen-elemen penting dalam PBD pada masa ini sebelum mereka bergraduasi. Sekiranya terdapat aspek-aspek PBD yang masih belum dikuasai dengan baik, penilaian sendiri ini dapat memberikan input kepada mereka untuk meningkatkan lagi tahap kompetensi mereka dalam aspek tersebut sebelum menjadi guru sebenar di sekolah.

Bagi pihak KPM, maklumat yang diperoleh dari instrumen ini dapat memberikan bukti empirik daripada satu instrumen yang memiliki ciri-ciri psikometrik yang baik untuk mengenal pasti jurang program latihan guru antara institusi yang melatih guru di Malaysia. Maklumat sebegini dapat digunakan untuk merangka program latihan perguruan pada masa hadapan yang memiliki tahap kualiti yang setara walaupun dilatih oleh institusi berbeza.

1.11 BATASAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan membina satu instrumen berbentuk penilaian sendiri guru pelatih terhadap tahap kompetensi mereka dalam PBD. Menurut Campbell (2013), walaupun maklumat yang diperoleh menerusi penilaian sendiri adalah berguna untuk memberikan maklumat diagnostik, namun tidak dapat memberikan ukuran terhadap tingkah laku sebenar responden. Justeru apa yang difikirkan oleh guru pelatih mengenai tahap kompetensi mereka dalam aspek PBD yang dinyatakan tidak semestinya menggambarkan tingkah laku mereka dalam situasi sebenar di bilik darjah.

Oleh kerana itu, kajian ini hanya bergantung sepenuhnya terhadap tahap kejujuran guru pelatih dalam memberikan respons terhadap tahap kompetensi mereka dalam PBD.

Seterusnya, kajian yang dijalankan ini tidak bertujuan untuk menghasilkan satu model kompetensi guru pelatih dalam PBD. Tambahan lagi atribut kompetensi guru pelatih dalam PBD yang dikonsepsikan dalam kajian ini hanya diperoleh menerusi pembacaan literatur yang diintegrasikan dengan dapatan temu bual dengan enam orang pakar dalam PBD yang dipilih sahaja. Menurut Zang dan Burry-Stock (2003), bidang PBD adalah sangat luas menyebabkan pakar-pakar tidak sepakat tentang apakah aspek kompetensi yang harus dikuasai oleh guru-guru. Disebabkan itu, kompetensi guru pelatih dalam kajian ini digambarkan dalam ruang lingkup konstruk dan subkonstruk yang diukur sahaja.

Akhir sekali, kajian ini hanya dijalankan ke atas guru pelatih program Ijazah Sarjana Muda (ISMP) tahun akhir di UA dan telah mengikuti kursus PBD anjuran pihak fakulti. Oleh itu, sampel tidak menggambarkan sepenuhnya populasi sebenar

guru pelatih di Malaysia, seterusnya tidak boleh digeneralisasi di luar konteks di mana kajian ini dijalankan.

1.12 DEFINISI ISTILAH

Definisi bagi istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1.12.1 Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

Mengikut Airasian dan Russell (2008), PBD ialah proses mengumpul, mensintesis, dan mentafsir maklumat untuk digunakan dalam membuat sebarang keputusan di bilik darjah. PBD juga dapat dikaitkan dengan proses untuk membuat keputusan-keputusan yang dapat meningkatkan pembelajaran dan pengajaran (Mohamad Sahari 2008). Menurut Zhang dan Burry-Stock (2003) pula, PBD melibatkan aktiviti yang luas dari membina ujian pensel dan kertas dan pengukuran prestasi, kepada memberikan gred, mentafsir skor ujian standard, menyampaikan keputusan ujian, dan menggunakan keputusan pentaksiran dalam membuat keputusan. Dalam kajian ini PBD merujuk kepada proses mengumpul, mensintesis, dan mentafsir maklumat yang digunakan dalam membuat keputusan dan meningkatkan pembelajaran serta pengajaran di bilik darjah.

1.12.2 Kompetensi Guru Pelatih Dalam PBD

Kompetensi merupakan kebolehan individu untuk melaksanakan satu tugas (Boyatzis 1982). Mengikut Spencer dan Spencer (1993), kebolehan ini dapat dikategorikan kepada dua jenis iaitu kompetensi asas dan kompetensi pembeza. Kompetensi asas merupakan kompetensi minimum yang diperlukan oleh individu untuk melaksanakan satu tugas. Kompetensi jenis ini merangkumi aspek pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki oleh individu tersebut dan dikatakan lebih mudah untuk diukur berbanding kompetensi pembeza.

Kompetensi pembeza pula melibatkan ciri-ciri dalaman individu yang dikatakan dapat membezakan antara individu berprestasi tinggi dengan individu berprestasi biasa (Mohammed Sani 2007; Goleman 1998; Spencer & Spencer 1993). Walaupun begitu, pakar-pakar tidak sepakat mengenai elemen-elemen yang

terkandung dalam kompetensi jenis ini. Sebagai contoh, Parry (1996) mengaitkan kompetensi pembeza dengan sikap manakala Spencer dan Spencer (1993) mengaitkannya dengan motif, sifat peribadi (*traits*), dan konsep sendiri. Dalam kajian ini kompetensi guru pelatih dalam PBD merujuk kepada penilaian sendiri guru pelatih terhadap tahap pengetahuan PBD, kemahiran PBD, dan sikap terhadap PBD untuk melaksanakan aktiviti mengumpul, mensintesis, dan mentafsir maklumat yang digunakan untuk membuat keputusan bagi meningkatkan pembelajaran serta pengajaran di bilik darjah.

1.12.3 Pengetahuan PBD

Pengetahuan merujuk kepada maklumat yang dimiliki oleh individu dalam bidang kandungan yang tertentu (Spencer & Spencer 1993). Maklumat ini adalah bersandarkan kepada fakta yang dapat memandu seseorang individu dalam tindakan yang diambil (Calderhead 1996). Ini bererti, terdapat bukti-bukti yang boleh digunakan oleh individu berkenaan untuk mempertahankan persepsi yang dimilikinya (Richardson 1996). Dalam konteks kajian ini, pengetahuan PBD merujuk kepada penilaian sendiri guru pelatih terhadap tahap pengetahuan mereka dalam aspek perancangan PBD, pembinaan instrumen PBD, pentadbiran instrumen PBD, pentaksiran prestasi, penskoran dan penggredan, analisis statistik, penggunaan hasil PBD, penggunaan ICT dalam PBD, dan etika dalam PBD.

1.12.4 Kemahiran PBD

Kemahiran pula merujuk kepada keupayaan individu untuk melaksanakan tugas fizikal atau mental yang tertentu (Spencer & Spencer 1993). Keupayaan yang dimaksudkan di sini ialah untuk menunjukkan satu sistem dan urutan tingkah laku yang berfungsi untuk mencapai matlamat prestasi yang ditetapkan (Boyatzis 1982). Dalam konteks kajian ini, kemahiran PBD merujuk kepada penilaian sendiri guru pelatih terhadap tahap kemahiran mereka dalam aspek perancangan PBD, pembinaan instrumen PBD, pentadbiran instrumen PBD, pentaksiran prestasi, penskoran dan penggredan, analisis statistik, penggunaan hasil PBD, penggunaan ICT dalam PBD, dan etika dalam PBD.



1.12.5 Sikap Terhadap PBD

Richardson (1996) mengaitkan sikap dengan pra kecenderungan yang secara konsisten mempengaruhi tindakan yang diambil oleh individu. Sikap juga merupakan karakter yang menyediakan nilai yang kukuh, kepercayaan, dan kemahiran kepada guru pelatih untuk membuat keputusan dan tindakan dalam pelaksanaan tugas mereka kelak (Mohammed Sani 2007). Berdasarkan kepada teori kompetensi Spencer dan Spencer (1993), sikap merupakan elemen yang terkandung dalam kompetensi pembeza, iaitu ciri dalaman individu yang dikatakan dapat membezakan antara individu berprestasi tinggi dengan individu berprestasi biasa (Mohammed Sani 2007; Goleman 1998; Spencer & Spencer 1993). Sikap juga berperanan dalam memandu individu untuk menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki untuk melaksanakan aktiviti PBD bagi menyokong pembelajaran murid (Spencer & Spencer 1993). Dalam kajian ini, sikap terhadap PBD merujuk kepada penilaian sendiri guru pelatih terhadap kepentingan PBD, analisis statistik, kursus PBD, dan perubahan dalam PBD.



1.13 RUMUSAN



Dalam Bab I, pengkaji telah menerangkan aspek-aspek penting yang mendasari kajian ini. Aspek-aspek tersebut meliputi latar belakang kajian, permasalahan kajian, kerangka teori kajian, kerangka konsep kajian, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, dan batasan kajian. Penerangan yang diberikan diharap dapat memberikan gambaran menyeluruh mengenai fokus kajian yang dijalankan iaitu bagi membina dan memeriksa ciri-ciri psikometrik instrumen kompetensi guru pelatih dalam PBD. Selain itu pengkaji turut menghuraikan definisi istilah bagi pembolehubah-pembolehubah yang digunapakai dalam kajian ini.

